



Ruj Kami: ANM/POPA/SPP/3/6 (194)  
Tarikh: 26 Ogos 2013

Semua Pegawai Pengawal

Y.Bhg Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan,

## KOD PERAKAUNAN TAHUN KEWANGAN 2014

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa jabatan ini akan mewujudkan dan mengemas kini **Kod Perakaunan Kementerian** bagi tahun kewangan 2014. Kod perakaunan yang terlibat ialah Kod Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos (PTJ/PK), Kod Program/Aktiviti (Prog/Akt) dan Profil Kod Kementerian/Jabatan.

### 1. Kod Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos (PTJ/PK)

- 1.1 Semua **pewujudan** dan **pembatalan kod** ataupun **pindaan** ke atas **perihal** PTJ/PK hendaklah dikemukakan melalui borang JAN/MD 004A – Borang Kod Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos (PTJ/PK).
- 1.2 Sekiranya terdapat **perubahan kod** bagi PTJ/PK tahun kewangan 2013 yang akan digunakan bagi tahun kewangan 2014, hendaklah disenaraikan dan dikemukakan melalui borang JAN/MD 018A – Borang Jadual Penukaran Kod Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos.

Kod PTJ/PK baru (Tahun 2014) mesti diwujudkan terlebih dahulu sebelum Jadual Penukaran dapat diproses.

### 2. Kod Program/Aktiviti (Prog/Akt)

- 2.1 Semua **pewujudan** dan **pembatalan kod** ataupun **pindaan** ke atas **perihal** Prog/Akt hendaklah dikemukakan melalui borang JAN/MD 005A – Borang Kod Program/Aktiviti.

Kementerian **tidak** perlu menghantar permohonan untuk mewujudkan Kod Prog/Akt seperti dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2014. Walau bagaimanapun, jika profil kementerian/jabatan memerlukan paras terendah (sub aktiviti), kod Prog/Akt berkenaan perlu diwujudkan melalui borang JAN/MD 005A.

- 2.2 Sekiranya terdapat **perubahan kod** bagi Prog/Akt tahun kewangan 2013 yang akan digunakan bagi tahun kewangan 2014, hendaklah disenaraikan dan dikemukakan melalui borang JAN/MD 018B – Borang Jadual Penukaran Kod Program/Aktiviti.

### 3. Profil Kod Kementerian/Jabatan

- 3.1 Sekiranya terdapat perubahan **Profil Kod** kementerian/jabatan, pengemaskinian hendaklah dikemukakan melalui Borang JAN/MD 009A – Borang Profil Kod Kementerian/Jabatan.
  - 3.2 Profil kod kementerian/jabatan hanya boleh dipinda pada awal tahun kewangan, iaitu sebelum akaun bagi satu-satu tahun kewangan itu bermula.
4. Panduan untuk mengisi borang, senarai kod negeri/daerah dan kod negara serta penjenisan mengikut sektor boleh dimuat turun daripada laman web Jabatan Akauntan Negara di alamat <http://www.anm.gov.my>.
5. Borang-borang yang telah dilengkapkan (satu salinan) hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **6 November 2013** ke alamat berikut:


Jabatan Akauntan Negara  
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi  
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62594 PUTRAJAYA  
(u.p.: Dr. Yacob bin Mustafa)

6. Bagi kementerian/jabatan yang tidak mempunyai sebarang pindaan ke atas kod perakaunan berkenaan, **pengesahan secara bertulis** hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **6 November 2013**. Sila hubungi Seksyen Perakaunan Persekutuan, BPOPA di talian 03-8882 1648, 03-8882 1641 dan 03-8882 1518 untuk maklumat lanjut.
7. Kerjasama dan tindakan sewajarnya bagi mengemas kini kod perakaunan tahun kewangan 2014 amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**‘Inovasi Ke Arah Perakaunan Akruan’**

Saya yang menurut perintah,

  
( HAWAZAIN BINTI SHAARI )  
Timbalan Akauntan Negara (Operasi)  
b/p Akauntan Negara Malaysia

s.k.:

Setiausaha Bahagian Kewangan/Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri